



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

## SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KEMPEN  
KOMUNITIKU BERSIH DAN SIHAT – KEMPEN CEGAH  
DENGGI (KOM-BEAT DENGGI) TAMAN SIAKAP

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 JULAI 2022 (AHAD)  
9.00 PAGI**

**DEWAN MPKK TAMAN SIAKAP  
SEBERANG JAYA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam Majlis Perasmian Penutupan Kempen Komunitiku Bersih Dan Sihat – Kempen Cegah Denggi (KOM-BEAT Denggi) Taman Siakap yang telah berlangsung dari **01 Jun hingga 24 Julai 2022**.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Agensi-Agensi Kerajaan dan Persatuan, iaitu Pejabat Kesihatan Daerah SPT (PKD), Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah SPT (JPNIN SPT), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Persatuan Penduduk Taman Siakap dan Persatuan Tzu Chi atas kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam merealisasikan segala perancangan dan menjayakan program ini. Terima kasih juga kepada Ahli Majlis Kempen Komunitiku Bersih dan Sihat: Kempen Cegah Denggi (KOM-BEAT Denggi) 2.0. Taman Siakap, Jabatan Kemasyarakatan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Pengurusan Krisis MBSP yang terlibat dalam program ini. Segala pencapaian dan

kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program Kempen Komunitiku Bersih Dan Sihat – Kempen Cegah Denggi (KOM-BEAT Denggi) Taman Siakap ini adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Kempen Kesihatan Persekitaran di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di mana MBSP telah terpilih sebagai salah satu daripada 24 Pihak Berkuasa Tempatan. Program ini merupakan edisi kedua selepas kejayaan edisi 1.0 di Taman Alma Jaya tahun lalu.

Kempen kali kedua ini dilaksanakan di Taman Siakap, Seberang Jaya dari 1 Jun sehingga 24 Julai 2022. Lokaliti Taman Siakap telah dipilih sebagai lokasi kempen kerana memenuhi ciri-ciri kawasan keutamaan tinggi (*high priority*) untuk pencegahan denggi dan lokaliti ini turut pernah diisytiharkan kawasan *hotspot* pada tahun 2018 dan beberapa kali diisytiharkan kawasan wabak sepanjang lima tahun yang lalu. Aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang kempen adalah:-

1. Penilaian Risiko dan Kajian Entomologikal
2. Gotong Royong Mega bersama Penduduk
3. Tinjauan dan Soal Selidik Pengetahuan, Kefahaman dan Amalan berkaitan Denggi
4. Pertandingan Kumpul Barangan Kitar Semula
5. Ops Ronda-Ronda Sampai Kelia
6. Ops KOM-PERKASA (Komuniti Diperkasa, Undang-Undang Dikuatkuasa)
7. Aktiviti promosi dan pendidikan secara berterusan

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama daripada Ahli Majlis MBSP iaitu Encik Fahmi bin Zainol serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), MPKK Taman Siakap, KRT Siakap 2, JPWK serta komuniti sekitar telah mengadakan program Gotong-Royong Mega Banteras Denggi Taman Siakap sempena Kempen Pencegahan Denggi (Kom-Beat Denggi 2.0) bersama penduduk Taman Siakap, Seberang Jaya.

Program Gotong-Royong ini bertujuan untuk membasmi tempat-tempat pembiakan nyamuk serta membersihkan kawasan sekitar Flat

Taman Siakap memandangkan kawasan ini telah merekodkan kes Denggi. Di samping itu, kempen-kempen kesedaran turut diberikan kepada penduduk sekitar agar sentiasa menjaga kawasan rumah masing-masing bagi memastikan tiada peluang pembiakan nyamuk aedes dapat berlaku di sekitar rumah.

Selain itu, Jabatan Pengurusan Krisis MBSP juga turut memberi tunjuk ajar kepada penduduk sekitar tentang tatacara menggunakan peralatan pemotong pokok (chainsaw) serta memberi pendedahan tentang peralatan yang digunakan serta latihan praktikal agar penduduk boleh bersama-sama menjaga persekitaran kawasan perumahan masing-masing kelak.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, penyakit demam denggi merupakan satu masalah kesihatan awam yang amat serius kebelakangan ini terutamanya di negeri-negeri seperti Pulau Pinang yang mempunyai populasi kawasan bandar yang sangat tinggi. Kes penyakit demam denggi menunjukkan peningkatan yang seiring dengan pertambahan kawasan bandar, pembangunan dan peningkatan kepadatan

penduduk. Secara umumnya, di Malaysia sehingga 18 Jun 2022, jumlah kes kumulatif adalah 21,689 kes berbanding 12,854 kes bagi tempoh sama pada tahun 2021. Jumlah kematian yang direkodkan adalah sebanyak 15 kes berbanding 9 kes tahun 2021, manakala bilangan *hotspot* yang aktif adalah di 63 lokaliti

Sebanyak 332 kes demam denggi dilaporkan di seluruh Seberang Perai pada tahun 2022, iaitu sehingga 9 Julai 2022 berbanding 237 kes demam denggi pada tahun 2021 pula, iaitu peningkatan sebanyak 40.08%.

Demam denggi bukan saja penyakit yang berjangkit malah boleh membawa maut kepada si penghidapnya. Di samping itu, penyakit ini menyebabkan kesengsaraan akibat demam, sakit sendi, sakit otot dan sebagainya kepada pesakitnya. Justeru, saya menyeru kepada sesiapa atau ahli keluarga mereka yang mengalami demam hendaklah mendapatkan rawatan awal agar komplikasi demam denggi yang boleh membawa maut dapat dielakkan.

Faktor utama yang menyebabkan merebaknya penyakit denggi adalah disebabkan faktor kebersihan sekitar. Aedes membiak di dalam bekas yang dasarnya bukan tanah dan airnya bersih dan jernih. Bekas-

bekas menakung air seperti tin-tin yang dibuang dan tayar buruk adalah punca pembiakan aedes. Mengikut laporan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Index Aedes tertinggi di Pulau Pinang adalah di:-

- i. Tapak binaan;
- ii. Tanah lapang / taman mainan / rumah terbiar dan bersemak samun;
- iii. Aktiviti sampah haram; dan
- iv. Penyimpanan barang lusuh.

Adalah diketahui umum bahawa nyamuk aedes boleh membiak di kawasan atau bekas yang menakung air dan ianya berkait rapat dengan keadaan kebersihan di rumah dan persekitarannya. Para penduduk perlu bekerjasama dengan agensi kerajaan bagi menjaga kebersihan Seberang Perai. Mencegah lebih baik dari mengawal. Oleh itu pencegahan dari awal perlu dilakukan oleh orang ramai melalui pencegahan dengan memusnahkan tempat pembiakan aedes dengan melaksanakan:-

- i. Gotong royong kebersihan sekitar untuk menghapus tempat pembiakan aedes.
- ii. Menjaga kebersihan sekitar dengan membuat pemeriksaan sekitar rumah setiap minggu.

- iii. Berkerjasama dengan agensi kerajaan / pihak berkuasa tempatan dalam menjaga kebersihan Seberang Perai dalam segala aktiviti menjaga kebersihan sekitar.
- iv. Tidak membuang sampah sesuka hati, tetapi membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan oleh MBSP.
- v. Rumah kediaman tidak dijadikan tempat penyimpanan barang lusuh.
- vi. Rumah kediaman tidak dibiarkan dalam keadaan semak samun / kotor.
- vii. Pemaju sentiasa menjaga tapak binaan bebas pembiakan nyamuk aedes.
- viii. Orang ramai jangan jadikan taman permainan awam, tempat rekreasi awam dan tanah lapang sebagai tempat pembuangan sampah.

Sekiranya setiap masyarakat melakukan usaha ini, sudah pasti tiada Aedes membiak dan hidup. Bayangkan berapa ramai yang boleh dicegah dari mendapat Demam Denggi dan berapa banyak nyawa dapat diselamatkan. Oleh itu, saya berharap setiap individu akan mengambil tanggungjawab membersihkan kawasan persekitaran rumah; memeriksa longkang atau saluran hujan yang tersumbat; membuang sampah secara



teratur; menanam tin-tin kosong, tempurung kelapa atau tayar-tayar buruk di belakang rumah; dan membubuh racun pembunuh jentik-jentik di dalam bekas takungan air yang tidak mudah ditukar.

Program yang dianjurkan oleh MBSP dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan, swasta dan persatuan komuniti seperti ini dianjurkan untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur dan semua pihak yang menjayakan program dan menjadikan kempen ini menjadi kenyataan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir, di atas kesudian meluangkan masa menyertai acara kita pada hari ini.

Saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan Majlis Penutupan Kempen Komunitiku Bersih Dan Sihat – Kempen Cegah Denggi (KOM-BEAT Denggi) Taman Siakap.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,***

***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima Kasih.**